

Selasa, 17 March 2020 | 2:50pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi (tiga kiri) bersama timbalannya, Datuk Rosol Wahid (dua kiri) bergambar selepas perasmian outlet Tealive di Putrajaya. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

## COVID-19: Pasar malam, gerai tepi jalan diarah tutup

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@nstp.com.my

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan pasar malam dan gerai makan tepi jalan ditutup susulan arahan Perintah Kawalan Pergerakan diumumkan Kerajaan semalam.

Menteri, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata arahan penutupan sementara premis perniagaan berkenaan bertujuan mengawal pergerakan orang ramai bagi membendung penularan COVID-19.

Perintah Kawalan Pergerakan itu dikecualikan kepada pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian.

"Keputusan dan arahan ini diambil atas faktor keselamatan dan kesihatan peniaga serta orang ramai bagi mencegah kemungkinan COVID-19 merebak dengan lebih meluas," katanya di sini hari ini.

Yang turut hadir, timbalannya Datuk Rosol Wahid; Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

